



Headline: Rompak cara selamba
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 21 January 2019

Language: Malay
Section: Setempat
Page: 15

Rompak cara selamba

■ Sindiket kod TAC guna taktik tak timbulkan situasi panik mangsa

Hasbi Sidek
cnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur

Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Datuk Saiful Azly Kamaruddin berpesan supaya jangan mendedahkan nombor kod pengesahan transaksi (TAC) kepada sindiket.

Beliau berkata, kebanyakan individu yang menjadi mangsa tidak mengetahui bahawa nombor TAC berkenaan adalah untuk transaksi akaun bank milik mereka sendiri.

"Sindiket memperoleh maklumat akaun bank mangsa sebelum menggodam akaun itu secara dalam talian.

"Kebiasaannya individu yang sering menjadi mangsa



“Mereka akan hubungi sasaran dan mendakwa mendaftarkan nombor telefon mangsa secara tidak sengaja menyebabkan nombor TAC dihantar kepada mangsa”
Saiful Azly

adalah mereka yang sering membeli-belah secara dalam talian atau yang gemar melayari laman web porno yang meminta pelayar menjelaskan jumlah bayaran sebelum dibenarkan menonton video.

"Sindiket itu memperoleh maklumat akaun apabila mereka membuat pembayaran secara dalam talian dengan mengesannya melalui penggunaan virus dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata, berbanding dengan sindiket Macau Scam, sindiket nombor TAC ini tidak menimbulkan situasi panik kepada mangsa, namun hanya berlagak biasa.

"Mereka akan menghubungi sasarannya dan mendakwa telah mendaftarkan nombor telefon mangsa secara tidak sengaja menyebabkan nombor TAC dihantar ke telefon bimbit mangsa, sedangkan nombor TAC berkenaan adalah untuk transaksi akaun milik sendiri.

"Justeru, saya berpesan kepada masyarakat supaya jangan sesekali mendedahkan nombor TAC yang diterima melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) kepada individu lain. Jika wujud se-

APA ITU TAC?

TAC (kod pengesahan transaksi) kod keselamatan untuk membuat transaksi perbankan atas talian bagi melindungi akaun bank anda daripada diakses pihak ketiga. Kod dihantar ke nombor telefon pemilik akaun yang didaftarkan

Modus Operandi Sindiket TAC

- Mangsa menerima kod TAC melalui SMS walaupun tidak melakukan transaksi.
- Mangsa dihubungi melalui SMS atau panggilan WhatsApp, memaklumkan suspek kononnya tersilap daftar nombor telefon ke akaunnya.
- Sindiket meminta kod TAC dengan alasan untuk memperbetulkan butiran akaun atau mendapatkan kembali wang.
- Pelbagai alasan digunakan kononnya sindiket terdesak untuk mendapatkan kod TAC.

Langkah berjaga-jaga

- Jangan dedahkan kod TAC kepada pihak ketiga.
- Tukar kata laluan perbankan atas talian dengan segera.
- Hubungi pihak bank.

GRAFIK HARIAN METRO: FARMY HANISH

18 HARI RUGI RM441,000

■ Sindiket rigpi TAC' sasar individu gemar beli-belah dalam talian

Wajah Taktik
Datuk Saiful Azly Kamaruddin, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, berkata, kebanyakan individu yang menjadi mangsa tidak mengetahui bahawa nombor TAC berkenaan adalah untuk transaksi akaun bank milik mereka sendiri.

Modus Operandi
Sindiket memperoleh maklumat akaun bank mangsa sebelum menggodam akaun itu secara dalam talian.

Kebiasaannya
Individu yang sering menjadi mangsa adalah mereka yang sering membeli-belah secara dalam talian atau yang gemar melayari laman web porno yang meminta pelayar menjelaskan jumlah bayaran sebelum dibenarkan menonton video.

Sindiket
Itu memperoleh maklumat akaun apabila mereka membuat pembayaran secara dalam talian dengan mengesannya melalui penggunaan virus dan sebagainya.

Beliau
Berkata, berbanding dengan sindiket Macau Scam, sindiket nombor TAC ini tidak menimbulkan situasi panik kepada mangsa, namun hanya berlagak biasa.

Mereka
Akan menghubungi sasarannya dan mendakwa telah mendaftarkan nombor telefon mangsa secara tidak sengaja menyebabkan nombor TAC dihantar ke telefon bimbit mangsa, sedangkan nombor TAC berkenaan adalah untuk transaksi akaun milik sendiri.

Justeru
Saya berpesan kepada masyarakat supaya jangan sesekali mendedahkan nombor TAC yang diterima melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) kepada individu lain. Jika wujud se-

LAPORAN Harian Metro 19 Januari lalu.